

**KUMPULAN SABDA
DULI YANG TERAMAT MULIA
PADUKA SERI PENGIRAN MUDA MAHKOTA
PENGIRAN MUDA HAJI AL-MUHTADEE BILLAH
MENTERI KANAN
DI JABATAN PERDANA MENTERI
TAHUN 2013**

Terbitan:
Unit Penerbitan Melayu
Bahagian Penerbitan dan Pameran
Jabatan Penerangan
Jabatan Perdana Menteri
Negara Brunei Darussalam

Cetakan Pertama 2015

Hak Cipta Terpelihara
Jabatan Penerangan

Penyelaras:
Hajah Rosidah binti Haji Ismail

Taip set/Reka letak/Penyemak:
Zawiyatun Ni'mah binti Mohamad Akir

Kulit Luar:
Muhammad Al Khaliq bin Ali

Dicetak oleh:
Borneo Printers & Trading Sdn Bhd

ISBN
978-99917-49-77-8 (Kulit Keras)
978-99917-49-78-5 (Kulit Lembut)

*Kandungan**Muka Surat*

Sabda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Jeneral Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri selaku Penaung Diraja Majlis Kebangsaan Nadi Borneo Negara Brunei Darussalam pada Majlis Perasmian Seminar Nadi Borneo bagi 'Projek Meninjau Kepekabagaaian Fauna Sungai Ingei' bertempat di Indera Samudra Grand Hall, The Empire Hotel And Country Club pada hari Sabtu, 28 Rabiulawal 1434 Hijriah / 9 Februari 2013 Masihi.

1 - 4

Sabda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Timbalan Sultan pada Majlis Perasmian Persidangan Kebangsaan Memperkasa Budaya Membaca 2013 yang bertema: 'Membaca Memperkasa Bangsa', bertempat di Dewan Songket, Hotel Antarabangsa Rizqun pada hari Rabu, 1 Jamadilawal 1434 Hijriah / 13 Mac 2013 Masihi.

5 - 9

Sabda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri pada Majlis Sambutan 60 Tahun Rancangan Perumahan Negara di Pusat Pameran Pertahanan Antarabangsa Brunei (BRIDEX) pada hari Isnin, 20 Jamadilawal 1434 Hijriah / 1 April 2013 Masihi.

10 - 13

*Kandungan**Muka surat*

Sabda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri pada Pertandingan Membaca Al-Qur'an Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1434H/2013M (Malam Pertama), bertempat di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas pada hari Selasa (malam Rabu), 6 Jamadilakhir 1434 Hijriah / 16 April 2013 Masihi.

14 - 17

Address by Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Jeneral Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, The Crown Prince and Senior Minister at the Prime Minister's Office on the occasion of The Opening of The Special Ministerial Meeting of The Heart of Borneo Initiative at Indera Kayangan Ballroom, The Empire Hotel and Country Club on Saturday, 7 September 2013.

18 - 21

Address by Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, The Crown Prince and Senior Minister at the Prime Minister's Office of Brunei Darussalam as the Personal Representative of His Majesty The Sultan and Yang Di-Pertuan of Brunei Darussalam at The 68th Session Of The United Nations General Assembly New York, 28 September 2013.

22 - 27

*Kandungan**Muka Surat*

Sabda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri pada Majlis Anugerah Kesusasteraan Islam Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah Ke-2 di Dewan Persidangan Utama, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas pada hari Isnin, 21 Muharam 1435 Hijriah / 25 November 2013 Masihi.

28 - 30

Address by Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, The Crown Prince and Senior Minister at the Prime Minister's Office of Brunei Darussalam of The Royal Brunei Armed Forces On The Occasion Of The Opening Of The 4th Bridex Conference 2013 at Bridex Conference Hall Jerudong on Monday, 28 Muharram 1435 / 2nd December 2013.

31 - 35

Sabda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri pada Majlis Pembukaan Rasmi Musabaqah Tilawatil Quran Belia Asia Tenggara Ke-6, Tahun 1435 Hijriah / 2013 Masihi bertempat di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas pada hari Sabtu malam Ahad, 5 Safar 1435 Hijriah / 7 Disember 2013 Masihi.

36 - 38

*Kandungan**Muka Surat*

Sabda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri pada Majlis Penutup Rasmi Jambori Nasional Ke-4 Brunei Darussalam Sempena Sambutan 80 Tahun Berpengakap Negara Brunei Darussalam bertempat di Tapak Jambori di Kawasan Lot-Lot Tanah Kerajaan Beribi, Mukim Gadong pada hari Ahad, 5 Safar 1435 Hijriah / 8 Disember 2013 Masihi.

39 - 42

Sabda

**Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota
Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah
ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda
Sultan Haji Hassanah Bolkiyah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri
Kanan di Jabatan Perdana Menteri selaku Penaung Diraja Majlis
Kebangsaan Nadi Borneo Negara Brunei Darussalam pada
Majlis Perasmian Seminar Nadi Borneo bagi
'Projek Meninjau Kepelbagaian Fauna Sungai Ingei'
bertempat di Indera Samudra Grand Hall,
The Empire Hotel And Country Club
pada hari Sabtu, 28 Rabiulawal 1434 Hijriah /
9 Februari 2013 Masihi**

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Bismillahir Rahmanir Rahim

Alhamdulillah Rabbil 'Aalameen, Wassalaatu Wassalaamu 'Alaa
Asyarafil Mursaleen, Sayyidinaa Muhammadin, Wa'ala Aalihee
Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

SEGALA puji dan syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala
di atas nikmat keamanan yang mengizinkan kita berhimpun di Majlis
Perasmian Seminar Nadi Borneo bagi 'Projek Meninjau Kepelbagaian
Fauna Sungai Ingei' pagi ini.

Alhamdulillah, Negara Brunei Darussalam adalah terkenal sebagai
sebuah negara yang mempunyai persekitaran hutan yang terpelihara dan
anugerah alam yang sangat banyak. Kedua-dua sumber semula jadi ini
adalah sangat tinggi nilainya kepada kesinambungan kehidupan setiap
mahluk di alam ini. Selain itu, ianya adalah merupakan satu khazanah
yang sangat berharga dan mempamerkan satu imej yang sangat istimewa
kepada negara ini.

Imej hutan yang pristin sudah bukan sahaja menawarkan satu
daya tarikan tersendiri untuk negara ini kepada para pelancong tetapi juga
kepada para saintis, pengkaji dan pencinta alam. Saya percaya Negara
Brunei Darussalam pada satu ketika nanti akan menjadi pusat kajian dan
rujukan alam semula jadi bagi tumbuhan dan hidupan liar hutan tropika,
insya-Allah.

Oleh itu, kita perlu meneruskan usaha-usaha pemuliharaan
yang dipelopori oleh Kerajaan Paduka Ayahanda melalui Kementerian
Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama bagi memastikan persekitaran
hutan yang terpelihara ini akan terus dikekalkan sepanjang zaman serta
boleh diwarisi oleh generasi-generasi yang akan datang.

Langkah bestari ke arah ini terus dimantapkan dan diperkukuhkan
lagi dengan komitmen memperuntukkan 58% daripada keseluruhan
kawasan negara ini kepada inisiatif Nadi Borneo atau 'Heart of Borneo'.
Ianya merupakan satu komitmen yang besar serta mencabar bagi negara
ini walaupun keluasan tersebut hanya 1.6% daripada keseluruhan
kawasan 'HoB'.

Bagaimanapun pada hemat saya, komitmen tersebut akan lebih
bermakna jika usaha-usaha penyelidikan yang lebih mendalam melalui
pelaksanaan projek-projek yang telah dikenal pasti di bawah HoB ini
dapat dilaksanakan dengan jayanya. Ini termasuk kajian dan penyelidikan
tentang habitat, ekologi, serta ancaman terhadap persekitaran hutan.
Dengan demikian kita dapat mencegah daripada berlakunya kepupusan
dan kehilangan hidupan liar terutamanya spesies haiwan eksotik yang
terancam.

Saya gembira mengambil maklum bahawa salah satu projek utama
di bawah inisiatif HoB adalah 'Projek Meninjau Kepelbagaian Fauna
Sungai Ingei' yang telah diumumkan oleh Universiti Brunei Darussalam
dengan penglibatan Standard Chartered Bank sebagai rakan penajanya.

Projek peninjauan jangka panjang ini meliputi kajian tentang jenis dan jumlah haiwan liar, proses pembiakannya, kehidupan dan keolahan spesies tersebut serta hubungannya dengan alam sekitar. Ini sudah setentunya akan membuka ruang bagi penghasilan satu pelan pengurusan yang strategik, spesifik dan inklusif bagi kawasan Sungai Ingei.

Pemuliharaan dan perlindungan fauna adalah sama pentingnya dengan flora atau tumbuh-tumbuhan. Alam flora berperanan utama dalam mengekalkan habitat semula jadi bagi mengimbangi ekosistem alam sekitar. Tanpa kita sedari ekologi hidupan liar di dalam hutan juga saling berperanan dalam menstabilkan dan mengimbangi ekologi hutan.

Salah satu daripadanya adalah dalam membantu proses pendebungaan dan penyemaian tumbuh-tumbuhan untuk memastikan kesinambungan kitaran pertumbuhan spesies-spesies flora yang juga berfungsi menyerap air, mengimbangi komposisi karbon di udara, di samping sebagai sumber makanan kepada spesies-spesies fauna dan manusia.

Kehidupan erat yang saling mendukung atau *symbiotic existence* ini adalah mustahak untuk dikekalkan. Jika salah satu dari spesiesnya terjejas, ianya sudah pasti akan memberikan impak yang negatif kepada kestabilan ekologi hutan dan alam sekitar secara keseluruhannya. Selain itu kehadiran berbagai spesies fauna akan menambah sumber kekayaan khazanah biodiversiti hutan. Ini setentunya akan meningkatkan sumbangan negara kepada inisiatif pemeliharaan alam sekitar sejagat.

Justeru saya turut memberikan sokongan yang berterusan kepada inisiatif 'HoB' yang selama ini yang telah dipandu oleh Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama dengan kerjasama institusi pendidikan tinggi tempatan seperti Universiti Brunei Darussalam dan juga rakan-rakan atau HoB partners.

Untuk itu saya merakamkan penghargaan kepada HoB partners yang telah banyak memberi sokongan dan bantuan termasuk Brunei Shell Petroleum, HSBC, Standard Chartered Bank, Panaga Natural History Society, Brunei Nature Society, serta lain-lain pertubuhan yang telah terlibat. Saya harap bantuan dan usahasama ini akan diteruskan.

Pada kesempatan ini saya menaruh harapan tinggi supaya lebih banyak organisasi lain dapat mengikut jejak langkah yang mulia lagi berkebjajikan ini agar kejayaan kita dalam pemeliharaan alam sekitar akan lebih menyerlah lagi.

Insyaa-Allah melalui seminar ini, kita akan berpeluang untuk menambah serta memperdalam ilmu pengetahuan dan meningkatkan kesedaran awam akan pentingnya pemuliharaan sumber hutan tersebut. Saya juga percaya bahawa seminar ini akan dapat menyuntik semangat kita untuk mempertingkatkan kerjasama yang lebih padu dalam pemuliharaan tumbuhan dan hidupan liar di negara ini.

Akhirnya, saya sekali lagi mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan projek pemuliharaan tumbuhan dan hidupan liar. Semoga usahasama seumpama ini dapat diteruskan dan diberkati serta kita sentiasa dalam perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala jua.

Dengan berkat kalimah Bismillahir Rahmanir Rahim, selawat serta salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, saya dengan sukacita merasmikan Seminar Nadi Borneo bagi 'Projek Meninjau Kepelbagaian Fauna Sungai Ingei'.

Sekian, Wabillahit Taufiq Walhidayah, Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Sabda

**Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota
Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah
ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda
Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah,
Timbalan Sultan pada Majlis Perasmian Persidangan Kebangsaan
Memperkasa Budaya Membaca 2013
yang bertema: 'Membaca Memperkasa Bangsa',
bertempat di Dewan Songket, Hotel Antarabangsa Rizqun
pada hari Rabu, 1 Jamadilawal 1434 Hijriah /
13 Mac 2013 Masihi**

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Bismillahir Rahmanir Rahim

Alhamdulillah Rabbil 'Aalameen, Wassalaatu Wassalaamu 'Alaa
Asyarafil Mursaleen, Sayyidinaa Muhammadin, Wa'ala Aalihee
Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

TERLEBIH dahulu saya mengucapkan tahniah kepada
Kementerian Pendidikan, Kementerian Hal Ehwal Ugama dan
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, di atas usahasama
mereka berganding bahu bagi menjayakan 'Persidangan Kebangsaan
Memperkasa Budaya Membaca 2013' buat julung kalinya.

Agama Islam yang syumul adalah sinonim sebagai agama yang
memartabatkan ilmu sebagai asas bagi pembangunan insan. Kalimah
'Iqra' atau bacalah yang diturunkan sebagai wahyu sulung kepada
Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam adalah perintah yang jelas
bagi kelestarian amalan membaca. Ianya merupakan wasilah untuk
memperkayakan gedung ilmu pengetahuan, memantapkan minda dan
kematangan tindakan.

Seorang Muslim yang berilmu dijanjikan keberuntungan duniawi
dan ukhrawi di samping kemuliaan darjat seorang ilmuwan diangkat ke
martabat yang lebih tinggi seperti maksud Surah Al Mujaadilah, ayat
11 tafsir-Nya: "Allah meninggikan darjat orang-orang yang beriman
di antara kamu dan orang yang diberi ilmu pengetahuan agama (dari
kalangan kamu) beberapa darjat dan (ingatlah), Allah Maha Mendalam
Pengetahuan-Nya tentang apa yang kamu lakukan."

Demikianlah kiasan seorang yang gemarkan membaca dan
cintakan ilmu. Tabiat gemar membaca adalah juga merupakan sumber
menjana pelbagai manfaat dalam kehidupan seharian seperti kemahiran
berfikir, pembentukan minda yang kreatif, kekuatan dan keperibadian
diri, serta mental yang cerdas.

Malahan budaya membaca adalah tonggak yang *fundamental*
dalam proses pembelajaran sepanjang hayat, pertumbuhan intelektual
dan kemajuan bangsa. Bangsa yang bertamadun tinggi dan berjaya
adalah bangsa yang memperkasakan budaya membaca. Melaluinya,
bangsa tersebut dapat meraih dan memanfaatkan berbagai cabang ilmu
pengetahuan yang menjadikan mereka lebih kreatif, inovatif dan sentiasa
siap siaga mempersiapkan diri untuk kekal berdaya maju dalam iklim
ekonomi yang berasaskan pengetahuan.

Justeru, saya berharap semua yang berkepentingan khususnya
Kementerian Pendidikan, Kementerian Hal Ehwal Ugama dan
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan akan dapat mempertingkatkan
dan memperkasakan lagi budaya membaca. Salah satu cara ialah melalui
sistem pengajaran dan pembelajaran di institusi pendidikan rendah dan
tinggi, di samping menyediakan prasarana dukungan bagi menggalakkan
budaya membaca dan pembelajaran sepanjang hayat untuk setiap lapisan
masyarakat.

Dari perspektif tidak formal pula, peranan ibu bapa adalah sangat penting. Ibu bapa adalah *role model* dan agen perubahan yang memberikan contoh terbaik kepada anak-anak dalam menyemai budaya gemar dan suka membaca di samping pengisian masa berkualiti bersama keluarga.

Pada hemat saya, untuk menjana masyarakat budaya membaca dan berpengetahuan adalah wajar bagi usaha dan perhatian ditumpukan kepada generasi muda kerana ianya merupakan pewaris bangsa. Kita menyedari usaha menerapkan amalan membaca kepada golongan ini bukanlah satu perkara yang mudah lebih-lebih lagi di zaman dunia tanpa sempadan ini.

Ini kerana kita akan berhadapan dengan pelbagai cabaran termasuk cabaran budaya hedonisma yang mengutamakan keseronokan yang dihasilkan melalui pelbagai gajet teknologi, dengan impaknya banyak masa dihabiskan sama ada dengan bermain *game* atau berhibur tanpa batasan tempat dan waktu. Gejala ini adalah juga punca kita kehilangan banyak masa luang yang lebih berfaedah jika digunakan untuk membaca, berfikir serta berzikir.

Dalam hal ini, kita perlu mengukuhkan iltizam, berusaha menangani cabaran-cabaran tersebut dengan bijaksana serta berpandangan jauh ke hadapan. Ini termasuklah dengan membangun keupayaan sumber tenaga manusia yang meliputi tenaga pengajar dan pustakawan, melalui pendedahan serta ruang untuk mempertingkatkan lagi kemahiran masing-masing dalam penguasaan aplikasi teknologi infokomunikasi. Ini akan mempelbagaikan lagi akses kepada sumber bacaan yang berkualiti sesuai dengan era teknologi abad ini.

Saya mengambil maklum bahawa usaha-usaha berterusan untuk memperkasa budaya membaca yang sekian lama dipelopori kementerian dan agensi berkenaan melalui sistem pendidikan, inisiatif kokurikulum, serta program dan aktiviti sampingan telah pun giat dilaksanakan menurut peredaran masa. Adalah diharapkan inisiatif yang serupa juga akan dilaksanakan oleh kementerian dan agensi lainnya untuk sama-sama mendukung dan memperkasa budaya membaca secara holistik.

Kajian berterusan juga perlu dilaksanakan dari semasa ke semasa untuk meningkatkan lagi kadar literasi di negara ini mencapai tahap seratus peratus.

Di samping itu, usaha serta keupayaan kita untuk merobah minda, mengtransformasi budaya dan seterusnya menggabungkan kemahiran berfikir dalam proses pengajaran dan pembelajaran sistem pendidikan kita perlu dilipatgandakan.

Untuk membolehkan semua inisiatif berjalan dengan lancar dan berjaya, prasarana, fasiliti dan penyediaan sumber bahan bacaan perlu dipertingkatkan lagi. Ini termasuklah yang berkaitan dengan penguasaan Jawi selaras dengan Perintah Pendidikan Ugama Wajib 2012 yang berkuat kuasa mulai awal tahun ini.

Dengan cara sedemikian saya percaya kita akan dapat mendukung hasrat pembangunan insan dan kemajuan negara yang berteraskan falsafah Melayu Islam Beraja dan Negara Zikir sebagaimana yang dihasratkan Paduka Ayahanda.

Akhirnya, saya berdoa semoga persidangan ini akan dapat meningkatkan, menerokai dan memperluaskan lagi peranan setiap agensi yang berkepentingan dan seterusnya akan dapat menghasilkan program-program yang *functional* dan praktikal dalam melestarikan budaya membaca ini, insya-Allah.

Dengan lafaz kalimah Bismillahir Rahmanir Rahim, selawat serta salam kepada Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, saya sukacita merasmikan Persidangan Memperkasa Budaya Membaca 2013.

Sekian, Wabillahit Taufiq Walhidayah, Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Sabda

**Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota
Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah
ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda
Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah,
Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri
pada Majlis Sambutan 60 Tahun Rancangan Perumahan Negara
di Pusat Pameran Pertahanan Antarabangsa Brunei (BRIDEX)
pada hari Isnin, 20 Jamadilawal 1434 Hijriah / 1 April 2013 Masihi**

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Bismillahir Rahmanir Rahim

Alhamdulillah Rabbil 'Aalameen, Wassalaatu Wassalaamu 'Alaa
Asyrafil Mursaleen, Sayyidinaa Muhammadin, Wa'ala Aalihee
Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

SAYA bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izinNya jua, kita dapat hadir di majlis Sambutan 60 tahun Rancangan Perumahan Negara pada pagi ini.

Majlis yang permai ini adalah sangat bersejarah dan penuh bermakna. Ianya bukan saja meraikan kejayaan kita dalam melaksanakan projek yang berkebajikan ini, tapi lebih dari itu kita menzahirkan rasa syukur kepada Allah Subhanahu Wata'ala yang terus mengurniakan rahmat-Nya yang banyak kepada kita yang bernaung di bumi Darussalam ini.

Rancangan Perumahan Negara yang telah dilaksanakan secara berterusan lebih dari setengah abad ini, alhamdulillah, telah dapat dinikmati oleh sebahagian besar rakyat negara ini. Perumahan negara adalah satu nikmat yang mempunyai nilai yang amat tinggi kepada penerima-penerimanya. Perumahan bukan hanya sekadar satu aset fizikal kepada pemiliknya. Ianya juga tidak sekadar tempat berteduh dan berlindung dari panas dan hujan.

Tetapi rumah adalah satu tempat di mana kita membina dan menjana kesejahteraan dan keharmonian berkeluarga. Dengan persekitaran yang kondusif, di dalam rumahlah bermula dan tempatnya kita mengasuh dan mendidik ahli-ahli keluarga kita. Kita semua mahu setiap ahli keluarga kita menjadi insan yang sempurna dan berakhlak mulia.

Keluarga-keluarga yang bahagia dan sempurna akan dapat menghasilkan masyarakat yang harmoni yang mengamalkan nilai-nilai murni kehidupan dalam beragama, bermasyarakat dan bernegara. Bermula dari didikan di rumahlah akan melahirkan rakyat yang taat kepada Allah, setia kepada raja, cinta kepada negara dan berbakti kepada ibu bapa dan keluarga.

Apabila semua ini menjadi kenyataan akan wujudlah sebuah negara yang aman dan makmur yang mendapat keberkatan dan keredaan Allah Subhanahu Wata'ala. Inilah wawasan dan sasaran sebenar yang hendak kita perolehi dan capai melalui Rancangan Perumahan Negara. Atas dasar dan rasional inilah Kerajaan Paduka Ayahanda mahu melihat warga negara ini memiliki rumah yang bersesuaian mengikut keperluan dan kemampuan masing-masing.

Justeru, saya menyeru agar pemilik-pemilik rumah hendaklah memanfaatkan sepenuhnya rumah yang diperuntukkan kepada mereka dengan tidak membiarkannya kosong dan tidak berpenghuni atau disewakan.

Di samping itu, semangat kejiranan, toleransi dan hormat-menghormati yang sedia wujud dan menjadi amalan budaya masyarakat kitani sekian lama hendaklah diperkukuhkan oleh penduduk di kawasan Rancangan Perumahan Negara.

Tempoh 60 tahun kita melaksanakan Rancangan Perumahan Negara adalah satu jangka masa yang panjang. Ini jelas menunjukkan komitmen yang bersungguh-sungguh Kerajaan Paduka Ayahanda untuk menyediakan perumahan untuk rakyat jelata. Matlamatnya adalah sangat jelas iaitu untuk memenuhi keperluan rakyat dari segi kuantiti, kualiti dan jangka masa pemilikan rumah.

Dalam hal ini, saya gembira mendapat maklum bahawa kadar pembinaan rumah dan penyerahannya setiap tahun pada lima tahun kebelakangan telah meningkat tiga kali ganda jika dibandingkan dengan tahun-tahun sebelumnya. Natiujahnya, jangka masa menunggu sebelum diperuntukkan rumah sudah berkurangan. Malahan saya difahamkan bahawa sebilangan pemohon telah diperuntukkan dan memiliki rumah dalam tempoh masa lima tahun.

Bagaimanapun sekarang semakin banyak negara yang telah dapat memenuhi keperluan perumahan rakyatnya dalam masa tidak lebih dari tiga tahun. Ini kerana mereka sentiasa menggunakan teknologi terkini dalam projek- projek perumahan mereka.

Dalam konteks negara kita, saya mahu melihat pemohon-pemohon rumah di bawah Rancangan Perumahan Negara kita akan dapat memiliki rumah dalam jangka masa tidak lebih dari lima tahun pada tahun 2021. Saya penuh yakin sasaran tidak lebih dari lima tahun ini adalah satu sasaran yang praktikal dan boleh dicapai.

Ini kerana dalam jangka masa 60 tahun tersebut banyak pengalaman yang telah dapat dijadikan asas dan sandaran untuk kita merumuskan sasaran dan menggubal perancangan yang proaktif terutamanya dalam penghasilan rumah yang dapat memenuhi keperluan dan aspirasi bakal pemiliknya mengikut kemampuan masing-masing.

Di samping itu, Jabatan Kemajuan Perumahan juga boleh mengambil manfaat dari pengalaman *best practices* negara-negara yang telah berjaya memenuhi keperluan perumahan rakyat mereka.

Seperti yang dimaklumi, di bawah Rancangan Perumahan Negara Ke-10, beberapa projek perumahan telah pun diluluskan. Ke arah itu, saya sangat-sangat berharap supaya projek-projek ini akan dilaksanakan dan disiapkan dalam jangka waktu lima tahun yang telah ditetapkan.

Kelambatan dalam melaksanakan dan menyiapkan projek-projek tersebut dalam jangka masa yang ditetapkan akan boleh sahaja menjejaskan hasrat dan keupayaan kita mencapai sasaran bagi pemohon-pemohon memiliki rumah tidak lebih dari lima tahun.

Oleh itu, punca kelambatan hendaklah dikenal pasti dan diatasi. Pengurusan pelaksanaan projek-projek tersebut hendaklah dijalankan secara profesional, efisien dan efektif. Niat murni Paduka Ayahanda untuk melihat semua rakyat dan penduduk rakyat ini memiliki perumahan mereka hendaklah kita semua tanai dan junjung setinggi-tingginya.

Akhirnya, saya mengucapkan selamat meraikan Sambutan 60 Tahun Rancangan Perumahan Negara. Saya berdoa semoga Allah Subhanahu Wata'ala akan sentiasa mengurniakan keberkatan di atas usaha berkebjajikan ini dan RPN ini akan terus menempah kejayaan demi kejayaan dalam mencapai sasaran yang telah ditetapkan.

Dengan lafaz kalimah Bismillahir Rahmanir Rahim, selawat serta salam kepada Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, saya sukacita merasmikan Sambutan 60 Tahun Rancangan Perumahan Negara.

Sekian, Wabillahit Taufiq Walhidayah, Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Sabda

**Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota
Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah
ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan
Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah,
Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri
pada Pertandingan Membaca Al-Qur'an Bahagian Dewasa Peringkat
Akhir Kebangsaan Tahun 1434H/2013M (Malam Pertama),
bertempat di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa,
Berakas pada hari Selasa (malam Rabu),
6 Jamadilakhir 1434 Hijriah / 16 April 2013 Masihi**

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Bismillahir Rahmanir Rahim

Alhmdulillahi Rabbil 'Aalameen, Wassalaatu Wassalaamu 'Alaa
Asyarafil Mursaleen, Sayyidinaa Muhammadin, Wa'ala Aalihee
Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

SAYA bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin dan rahmat-Nya jua kita dapat hadir di Majlis Pertandingan Membaca Al-Qur'an Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1434 Hijriah bersamaan 2013 Masihi, bagi kali yang ke-53 tahun ini.

Mudah-mudahan kehadiran kita semua akan dikurniakan keberkatan dan diterima Allah Subhanahu Wata'ala sebagai amal kebajikan kita.

Alhamdulillah, kita yang bernaung di bumi Darussalam ini adalah sangat beruntung kerana dapat berterusan mengadakan pertandingan membaca Al-Qur'an pada setiap tahun.

Dengannya, kita bukan sekadar berpeluang mendengarkan kehebatan dan keindahan dalam pembacaan Al-Qur'an. Tetapi lebih dari itu kita dapat mengembangkan dan mengagungkan syiar Islam itu sendiri. Inilah satu rahmat yang amat besar yang Allah Subhanahu Wata'ala kurniakan kepada kita di negara ini.

Al-Qur'an merupakan mukjizat yang paling agung yang dikurniakan Allah Subhanahu Wata'ala kepada Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam. Isi kandungannya mencakupi segala ilmu dunia dan akhirat. Ianya kekal terpelihara.

Susunannya tidak pernah berubah serta tidak boleh dipinda atau dihapuskan walaupun terdapat banyak usaha dilakukan oleh musuh-musuh Islam untuk mengubah dan meminda isi kandungan Al-Qur'an atau memutar belit ayat-ayat dan surah-surah. Namun setiap kali jua usaha tersebut dibuat, ia tetap tidak berjaya atau berhasil.

Perkara ini telah dijelaskan melalui Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Fush Shilat yang antara lain maknanya:

“ ... Sedang Al-Qur'an itu, demi sesungguhnya sebuah Kitab Suci yang tidak dapat ditandingi, yang tidak dapat didatangi sebarang kepalsuan dari mana-mana arah dan seginya; ia diturunkan dari Tuhan yang Maha Bijaksana, lagi Maha Terpuji.”

Memperkatakan mengenai Al-Qur'an ini, seperti mana yang diketahui bahawa amalan membacanya adalah merupakan ibadat. Setiap huruf serta ayat yang dibaca akan diberikan ganjaran pahala yang setimpal.

Justeru saya menyeru kepada setiap masyarakat Islam di negara ini agar terus membiasakan diri dan mengamalkan membaca Al-Qur'an, di samping mempelajari dan menghalusi pembacaan, serta berusaha menghafal dan menghayati ajaran-ajarannya.

Bagi mereka yang tidak boleh membacanya atau tidak lancar bacaannya, usaha-usaha mempelajari Al-Qur'an perlu diteruskan.

Ini kerana mempelajari Al-Qur'an itu adalah merupakan amalan sepanjang hayat dan bukannya terhad pada waktu atau musim tertentu sahaja. Dengan kata lain, tidak ada kata penyudah bagi mereka itu dalam mempelajari Al-Qur'an.

Sikap *complacent* dengan digandingi ungkapan seperti terlanjur usia, lidah sudah tidak lembut lagi, sibuk dan seumpamanya seharusnya tidak wujud dan bukanlah sebagai penghalang bagi seseorang itu untuk mempelajari Al-Qur'an.

Alhamdulillah, di dalam Perkhidmatan Awam, setiap pegawai dan kakitangan yang beragama Islam telah sudah sekian lama digalakkan untuk membaca Al-Qur'an sebelum memulakan tugas dan pekerjaan masing-masing.

Perkara ini adalah antara inti pati titah Paduka Ayahanda di Majlis Sambutan Nuzul Al-Qur'an bagi tahun 1412 Hijriah. Apa yang penting sekarang ialah supaya usaha perlu dipergiatkan supaya amalan membaca Al-Qur'an sebelum memulakan tugas tersebut diperluaskan dan menjadi budaya di kalangan pegawai dan kakitangan kerajaan.

Hasrat Paduka Ayahanda adalah jelas agar dengan berkat Al-Qur'an itu, apa juga tugas dan khidmat pegawai dan kakitangan kerajaan untuk negara akan sentiasa dipimpin oleh petunjuk dan hidayah Allah.

Di Majlis Sambutan Nuzul Al-Qur'an Peringkat Negara Tahun 1430 Hijriah, Paduka Ayahanda juga telah menekankan tentang perlunya pendidikan agama itu mantap dan menyerlah di dalam kehidupan.

Ianya merupakan asas penting yang menjadikan kita sebagai bangsa yang celik Al-Qur'an dan agama tanpa perlu lagi merasa bimbang akan adanya pihak-pihak yang tercicir.

Kesungguhan Paduka Ayahanda terbukti dengan penggubalan Perintah Pendidikan Ugama Wajib 2012. Dengannya kita dapat memastikan tidak akan ada lagi kanak-kanak Islam di negara ini yang akan tercicir dari memahami dan mengetahui ilmu asas pendidikan Islam. Dalam masa yang sama, kita berharap tidak akan ada lagi orang yang tidak pandai sembahyang dan membaca Al-Qur'an.

Dengan memartabatkan Al-Qur'an dan menjadikannya sebagai penggerak serta panduan syumul dalam kehidupan kita, insya-Allah, kita akan dapat melahirkan individu Muslim sejati, keluarga, masyarakat dan negara yang taat serta patuh kepada Allah dalam erti kata sebenar.

Menyentuh mengenai tema pertandingan tahun ini iaitu 'Al-Qur'an Cahaya Dunia Akhirat' pada hemat saya ianya sememangnya bersesuaian kerana amalan membaca Al-Qur'an akan menjadikan negara kita sentiasa bergema dengan Al-Qur'an.

Negara yang bergema dengan Al-Qur'an, insya-Allah, akan sentiasa diterangi dengan cahaya hidayah, mendapat keberkatan serta dilimpahi rahmat daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

Selaku umat Islam, marilah kita mengambil peluang keemasan ini melipatgandakan pahala dan keberkatan dari membaca Al-Qur'an untuk kesejahteraan hidup dan menjadi bekalan di akhirat nanti.

Akhirnya, dengan mendahulukan kalimah 'Bismillahir Rahmanir Rahim', selawat serta salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, saya sukacita merasmikan Pertandingan Membaca Al-Qur'an Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Bagi Tahun 1434 Hijriah.

Sekian, Wabillahit Taufiq Walhidayah, Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

**Address by
Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota
Jeneral Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah
ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda
Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah,
The Crown Prince and Senior Minister at the Prime Minister's
Office on the occasion of The Opening of The Special Ministerial
Meeting of The Heart of Borneo Initiative at Indera Kayangan
Ballroom, The Empire Hotel and Country Club on Saturday,
7 September 2013.**

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Bismillahir Rahmanir Rahim

EXCELLENCIES,

Distinguished Guests and participants,

Ladies and Gentlemen,

It is indeed a pleasure for me to join you here this morning for the Opening of the Special Ministerial Meeting of the Heart of Borneo Initiative.

It has been five years since the ministers responsible for the Heart of Borneo initiative first met in Bali for the signing of the Heart of Borneo Declaration in 2007.

I am delighted that since then, a lot of progress has been made. However, there is still much to be done. Hence, I believe that more frequent high-level meetings such as this will help us ensure that we will be able to meet our goals for the Heart of Borneo.

As we all aware of, the Heart of Borneo is one of the key regional frontline measures being taken to address concerns on the degradation of our natural environment. Equally important, it also contributes to sustainable economic development of our three countries.

The richness of the Heart of Borneo's biodiversity both in terms of its flora and fauna offers our countries bountiful opportunities.

It has the potential to provide us with an amazing source of knowledge and research opportunities that may enable us to produce new products for a wide number of industries.

It can range from pharmaceutical products to cure previously incurable diseases, to farm products that may improve agricultural yields without impacting on the environment and even products that will be of great use to Muslims around the world in the halal product industry.

I therefore sincerely urge that we explore them diligently. The key to its successful development lies in our determination and endeavour to strengthen our capability in research, development and innovation.

However, to reap the optimal benefit, we need to work together as 'one'. Simultaneously, we also engage the more advanced institutions worldwide, who can help us to catalyse our efforts and shorten the time frame to achieve tangible results.

These forms of partnerships should also emphasise the transfer of knowledge and introduction of new technology to enhance productivity.

If properly managed, I believe that the Heart of Borneo region can be developed into the premier hub for research in life sciences, bio medicine and many other related areas as the raw materials for research are in abundance within our designated area.

Besides, our local scientists will have the opportunity to become leading pioneers and innovators in areas like herbal medicine, tropical forest ecology, the bio-industry and many others.

In addition, the Heart of Borneo can become a model for conservation and the benchmark for best practices in environmental protection measures.

As we look to the future and the next generation of leaders, scientists and pioneers, it is clear that there is also an urgent need to continuously engage and educate our children and youths on the Heart of Borneo initiatives.

This is particularly so, in terms of the importance of conserving the natural environment and the long-term impact that the destruction of our rainforests will have on their quality of life.

This form of engagement will not only work to ensure the continuity of our work here, but will also help to mould a new generation of leaders to come who are environmentally conscious.

There is also a need to increase the promotion of the Heart of Borneo initiative beyond our national borders.

In this regard, the proper exercise of branding and positioning will be crucial in attracting significant International funding, and the support of major global research institutions and other non governmental friends and partners to support the Heart of Borneo initiatives.

Therefore, I call upon the Special Ministerial Meeting of the Heart of Borneo Initiative to jointly reaffirm our inter-country government commitment and cooperation.

Our ultimate goal is very clear. We want to ensure that Borneo's green environment and landscape will be continuously enjoyed equally by all generations to come.

I wish you all the best in your deliberations and to all delegations;
I wish you a pleasant stay in Brunei Darussalam.

With the kalimah Bismillahir Rahmanir Rahim, I now officially
open The Special Ministerial Meeting of the Heart of Borneo Initiative.

Wabillahit Taufiq Walhidayah, Wassalamu'alaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh.

Address by
Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota
Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah
ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda
Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah,
The Crown Prince and Senior Minister
at the Prime Minister's Office of Brunei Darussalam
as the Personal Representative of
His Majesty The Sultan and Yang Di-Pertuan of Brunei Darussalam
at The 68th Session Of The United Nations General Assembly
New York, 28 September 2013

Theme:
"POST-2015 DEVELOPMENT AGENDA: SETTING THE STAGE!"

Mr. President,

Secretary-General,

Your Excellencies,

On behalf of His Majesty the Sultan and the people of Brunei Darussalam, I wish to congratulate His Excellency Dr. John Ashe on his appointment as the 68th President of the United Nations General Assembly.

To our former President Vuk Jeremiá, we thank him for his efforts and contribution over the past year.

Let me begin by expressing our sincere condolences to the Government and the people of Kenya and to the families of the victims of the terrorist attack.

Such an act deserves our condemnation.

Our deepest sympathies also go to those affected by the recent earthquake in Pakistan. Mr. President, Thirteen years ago at this Assembly, our Leaders made a promise to our people to fulfil their hopes and expectations for a better life.

This is why we see the United Nations Millennium Development Goals (MDGs) as a very important global partnership.

It has shown us that progress can be made if we work together locally, regionally and internationally.

I therefore would like to put on record our appreciation to our Secretary-General Ban Ki-moon and his predecessor Kofi Annan on the support and commitment that the UN agencies have given to realise this historic initiative.

We are now approaching the end of the 15 year period.

Like many other nations, Brunei Darussalam has been able to learn much from the experiences in implementing the MDGs.

We understand the high expectations for all to do well.

However, we need to consider the problems that some member states are struggling with.

These include limitations to natural resources, political conflicts, socio-economic problems and natural disasters.

That is why, Mr. President, this year's theme is so appropriate. The theme focuses on "setting the stage". For us in Brunei Darussalam, this means having a national vision, the "Brunei Vision 2035".

It clearly provides the direction towards attaining a dynamic and

sustainable economy in the interests of our people.

In line with the vision, we give great emphasis to help our younger generation in order to realise their hopes.

We have done this through providing quality education, encouraging innovation and creating better job opportunities.

We also do what we can to assist fellow developing countries either bilaterally or in partnership with other countries and international organisations in human resource development, offering scholarships to study in Brunei Darussalam as well as providing training under community outreach programme within the region.

We hope this people-to-people approach will promote cultural exchanges and understanding.

At the same time our regional work has also been strongly influenced by other members' efforts to achieve the MDGs.

Within ASEAN, we have an agreed plan to achieve an ASEAN Community by 2015.

Brunei Darussalam, as this year's ASEAN Chairman has chosen the theme "Our People, Our Future Together".

It signifies our people's role in ASEAN's community-building efforts.

In addition we have also encouraged our Member States to start working on an ASEAN plan beyond 2015 to further strengthen our mission in promoting peace, stability and prosperity.

We will also continue to work together in strategically positioning ASEAN in the wider and the world at large.

In this regard, we are pleased that His Excellency Ban Ki-moon has accepted our invitation to come to Brunei Darussalam for the 5th ASEAN-UN Summit.

We look forward to sharing our views and experiences with him.

We hope this will strengthen the cooperation between our Association and the UN.

We are also encouraged by the recommendations put forward by the recent report of the High Level Panel of Eminent Persons on how we can assist our people better in their daily lives through providing food security, quality education and eradicating extreme poverty.

Overall, the MDGs offered us many lessons indeed and now it is time for all of us to move forward.

Mr. President,

Regardless of the statistics of who has achieved the goals or not, we feel that much has been attained through the concept of the MDGs itself.

The goals have opened up opportunities to every member to develop their own way and to involve their people in that development, even beyond 2015.

Unfortunately, the options open to some people are severely limited.

This is so when their basic fundamental right of self-determination is denied.

We particularly refer to the people of Palestine whom we believe can attest to this.

Their legitimate struggle for a homeland of their own remains unresolved.

Hence, we support calls by the international community to intensify efforts towards realising this basic right that we take for granted today.

The 29th of November 2012 was indeed a memorable day in the history of Palestine when they were accepted as an observer state in the UN.

I would like to once again express our support for their full membership as well as for their legitimate struggle to regain the right to their own independent and sovereign state.

Mr. President,

The worsening situation in Syria continues to be of serious concern.

We join the international community in condemning the use of chemical weapons which has caused the loss of lives in the country.

More importantly, we support all efforts particularly by the UN in finding a peaceful solution to the crisis.

In this regard, we welcome the US - Russia Framework for the Elimination of Syrian Chemical Weapons and the recent adoption of the UN Security Council resolution on Syria.

Mr. President,

Before I conclude, we would like to express our appreciation to the Secretary-General and all of his staff as well as the UN volunteers for their hard work.

We highly respect the peacekeepers for the sacrifices they have made in the maintenance of international peace and stability.

We hope that our efforts with the various UN agencies and bodies will direct us to the future that we all want.

Thank you.

Sabda

**Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda
Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah
ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda
Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah,
Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri
pada Majlis Anugerah Kesusasteraan Islam Yayasan Sultan Haji
Hassanal Bolkiah Ke-2 di Dewan Persidangan Utama, Pusat
Persidangan Antarabangsa, Berakas pada hari Isnin, 21 Muharam
1435 Hijriah / 25 November 2013 Masihi**

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Bismillahir Rahmanir Rahim

Alhamdulillah Rabbil 'Aalameen, Wassalaatu Wassalaamu 'Alaa
Asyarafil Mursaleen, Sayyidinaa Muhammadin, Wa'ala Aalihee
Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

SYUKUR ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, kerana dengan izin-Nya jua kita dapat hadir di Majlis Anugerah Kesusasteraan Islam Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah Ke-2 pada pagi ini iaitu semenjak ianya diperkenalkan pada tahun 2008.

Alhamdulillah, pada hari ini sebuah lagi karya Kesusasteraan Islam tanah air telah terpilih sebagai penerima Anugerah Kesusasteraan Islam Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah yang berprestij ini. Saya penuh yakin bahawa pemilihannya adalah berasaskan penelitian dan penganalisan terperinci serta hasil nukilan yang menepati elemen-elemen tarbiyah Islamiah.

Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan setinggi tahniah kepada YSHHB serta Dewan Bahasa dan Pustaka di atas kejayaan mengungkapkannya bersama Majlis Penganugerahan ini. Ianya merupakan manifestasi kesungguhan dan kegigihan bagi mengangkat Kesusasteraan Islam di Negara Brunei Darussalam selaras dengan konsep Melayu Islam Beraja dan gagasan Negara Zikir.

Secara amnya, sastera adalah wadah kelangsungan adat resam dan budaya yang sentiasa segar dalam lipatan sejarah umat manusia. Melaluinya kita dapat menzahirkan pengalaman kehidupan sesebuah bangsa dan negara. Kehalusan karya sastera juga berupaya mengungkapkan kegemilangan sejarah silam serta membangkitkan keindahan tamadun dan perkembangan sebuah bangsa.

Dalam konteks kesusasteraan Islam, bagi menghasilkan sesebuah karya yang tulen, seorang sasterawan itu perlu bersandarkan kepada Kitab Suci Al-Qur'an. Ini kerana Al-Qur'an adalah mukjizat kerasulan Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam. Al-Qur'an adalah kitab yang paling agung sepanjang zaman yang tiada tolok bandingnya.

Di dalamnya Allah Subhanahu Wata'ala telah memperjelaskan asas serta nilai murni akhlak untuk mendekati manusia kepada yang Maha Pencipta. Di sinilah kekuatan kesusasteraan Islam itu. Ianya lahir dan teretus daripada asas-asas ajaran dan pemikiran Islam yang mengandungi amanat atau mesej yang bermanfaat kepada kehidupan duniawi dan ukhrawi. Secara langsung, ianya telah menjadikan sebuah karya Sastera Islam itu cukup bernas, indah dan sempurna serta berkesan dari segi penyampaiannya.

Di kesempatan ini, saya ingin menarik perhatian khusus kepada karya Paduka Nenda Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien yang bercirikan nilai seni kesusasteraan Islam yang halus dan tinggi nilainya. Ianya telah dihasilkan dengan luahan pemikiran dan nasihat-nasihat yang terus kekal segar dan relevan sehingga kini serta menanda aras pencapaian anugerah kesusasteraan sejagat.

Dalam hubungan ini, saya menyeru agar setiap agensi dan pihak berkepentingan lainnya untuk terus melipat ganda serta mempergiatkan lagi usaha masing-masing bagi menggalakkan lebih ramai karyawan yang berkecenderungan dalam seni penulisan kreatif sesuai dengan tuntutan semasa.

Pada hemat saya, kita perlu melahirkan karyawan yang terdiri dari generasi muda yang merupakan generasi pelapis. Merekalah penerus perjuangan bangsa dan agama yang akan mendukung usaha kita ke arah memartabatkan kesusasteraan Islam sebagai salah satu ciri tamadun dan peradaban bangsa Brunei yang berteraskan ajaran Ahli Sunnah Waljamaah.

Insyaa-Allah, dengannya kita dapat menegakkan lagi syiar Islamiah di negara ini dan membantu menangani cabaran sosial serta akidah dalam masyarakat Islam khususnya, kerana karya Sastera Islam yang tulen akan bertindak sebagai pencetus inspirasi untuk memantapkan keimanan dan ketakwaan.

Pelbagai pendekatan dan kaedah yang lebih berkesan boleh diteroka bagi mendekati masyarakat yang cintakan karya Sastera Islam. Antara lain pada hemat saya, kita boleh mengguna pakai platform media massa dan media baru terkini yang mudah diakses serta capaiannya yang lebih meluas sebagai hala tuju pendekatan alternatif utama tersebut. Pada masa yang sama, sudah sampai masanya juga bagi karya Kesusasteraan Islam tanah air diterjemahkan ke bahasa utama dunia dan sebaliknya karya agung Kesusasteraan Dunia Islam diterjemahkan ke Bahasa Melayu. Usaha timbal balas seumpama ini berupaya memantapkan penyebaran dakwah bagi memangkin perpaduan ummah. Ianya juga boleh dijadikan sumber inspirasi kepada para karyawan dan bahan rujukan ilmiah bagi setiap peringkat masyarakat.

Akhirnya, saya berharap Anugerah Kesusasteraan Islam ini akan terus menjadi pendorong dan pencetus idea ke arah usaha memartabatkan serta memperkasakan Kesusasteraan Islam di negara ini dan dunia Islam pada amnya. Di kesempatan ini juga saya mengucapkan setinggi tahniah kepada penerima Anugerah Kesusasteraan Islam Kali Ke-2 ini.

Sekian, Wabillahit Taufiq Walhidayah, Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Address by
Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota
Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah
ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia
Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin
Waddaulah, The Crown Prince and Senior Minister
at the Prime Minister's Office of Brunei Darussalam
of The Royal Brunei Armed Forces On The Occasion Of The
Opening Of The 4th Bridex Conference 2013
at Bridex Conference Hall Jerudong
on Monday, 28 Muharram 1435 / 2nd December 2013

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Bismillahir Rahmanir Rahim

EXCELLENCIES,

Distinguished Guests,

Ladies and Gentlemen,

It gives me great pleasure to warmly welcome everyone to Brunei Darussalam and to the Fourth BRIDEX Conference. This has been a momentous year for us.

BRIDEX and the Conference are a fitting culmination to the success of Brunei Darussalam's chairmanship of ASEAN. We have achieved it through the close cooperation that we have enjoyed with our partners in ASEAN.

Indeed, the prevailing sense of trust and understanding in ASEAN has brought our countries closer together in friendship. This has been crucial in setting regional priorities for peace and prosperity and realizing an ASEAN Community by 2015.

As we grow closer as a regional community, our national interests will become progressively more inter-twined with our regional interests. In fact, they should complement each other.

Of course, our respective national interests are multi-faceted and diverse. So in my address this morning, I have deliberately confined my thoughts on two areas:

Firstly, the protection of a country's sovereignty, territorial integrity and its people, and secondly, the pursuit of economic and social progress. This focus, I feel, is in line with ASEAN's theme this year, "Our People, Our Future Together".

Ladies and Gentlemen,

As we work ever more closely together as a prosperous region with closer economic and social collaboration, security becomes of paramount importance. But the breadth and complexity of security challenges require a comprehensive assessment and strategy. Our efforts must link to one another as we are bound together not only by our geography but also by our common vision and objectives.

In this regard, the establishment of the ASEAN Political Security Community or APSC further defines ASEAN's common values of living at peace with one another and with the world in a just, democratic and harmonious environment. Throughout its history, ASEAN has adhered firmly and exclusively to the settlement of intra-regional differences through peaceful processes. It has given enormous attention to the shaping and sharing of norms, conflict prevention, conflict resolution and post-conflict peace building.

A significant milestone in the history of ASEAN towards achieving the APSC was the establishment of the ASEAN Defence Ministers' Meeting in 2006. This was further enhanced with the advent of the ASEAN Defence Ministers Plus in 2010.

These gatherings of ASEAN Defence Ministers, and their counterparts from around Asia and the Pacific Rim, signalled the strong political will among member countries to cooperate in safeguarding their interests and in fostering stability in the region. These endeavours have fostered closer military to military co-operation, particularly in addressing non-traditional security issues including peacekeeping and maritime security.

The strategic programme and action plan agreed to by the ASEAN Defence Ministers is geared towards achieving a comfort level that enables our military forces to develop common mechanisms, interoperability, joint-exercises and the sharing of best practices.

This was exemplified by the success of the Humanitarian Assistance and Disaster Relief and Military Medicine exercise, hosted by Brunei Darussalam in June this year. It witnessed various military contingents from 18 countries operating together for the common good and mutual interest, despite language barriers, cultural and political differences and different operational procedures.

This form of military co-operation was a huge accomplishment for the forces and nation involved. It served to underline ASEAN's accomplishments in the field of political and security co-operation over the years. This form of close interaction among defence and military officials is also instrumental, in building the trust and confidence necessary to ensure further regional stability and security.

There was also wide support for His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan of Brunei Darussalam's idea, at the ASEAN Summit in Brunei Darussalam, to set up hotlines for open communication. It aims at avoiding miscalculations at sea. It also reflects our readiness to strengthen efforts in preventing conflict and escalations of disputes in maritime areas.

These practical measures, no doubt, will contribute to ongoing efforts for the full implementation of the Declaration on the Conduct of Parties in the South China Sea.

Ladies and gentlemen,

It is clear that the role of defence in regional affairs will remain an increasingly important dimension in achieving the ASEAN Political and Security Community. Undoubtedly, this is a prerequisite to our endeavour to achieve economic and social progress in the region.

As part of the Asia-Pacific Region, ASEAN appreciates the dynamics and under-currents of our regional environment and the importance of establishing strategic links with major powers, whilst also working closely with partners in addressing priority concerns in the region.

In this regard, ASEAN has evolved to become a valuable contributor in regional affairs, where its' centrality in managing and addressing the strategic environment will ensure that its unity endures and is firmly embedded for generations to come. With this in mind, our security should not be taken for granted.

Clearly, we must continue to be constantly vigilant of the various security challenges, from ethnic insurgencies, religious extremism and terrorism. We must also remain alert to new challenges such as cyber security and the spread of dual-use technologies. This is where official interaction through various regional platforms of dialogue and conference will play a vital role, even in terms of less formal settings, such as today's BRIDEX Conference.

On this note, I am pleased to see that this conference has grown in stature and reputation, attracting both regional and global interest. It has become a key event on the regional defence calendar, with an exceptional line up of speakers willing to share and exchange views on a wide range of contemporary defence and security issues.

I am also gratified to learn that members of the defence industry sector are keen to share their solutions to defence and security challenges at this venue. I believe that it is timely for us to reflect on how the BRIDEX Conference can itself further evolve to assist Brunei Darussalam in our efforts to deepen interaction, engagement and strengthen trust in the region and the wider Asia-Pacific.

Finally, to our speakers, guests and participants, I wish all of you a productive conference and pleasant stay in Brunei Darussalam in the coming days.

With the kalimah Bismillahir Rahmanir Rahim, I declare the Fourth BRIDEX Conference 2013 open.

Sekian, Wabillahir Taufiq Walhidayah, Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Sabda

**Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda
Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah
ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda
Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah,
Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri
pada Majlis Pembukaan Rasmi Musabaqah Tilawatil Quran Belia
Asia Tenggara Ke-6, Tahun 1435 Hijriah / 2013 Masihi bertempat
di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas pada
hari Sabtu malam Ahad, 5 Safar 1435 Hijriah /
7 Disember 2013 Masihi**

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Bismillahir Rahmanir Rahim

Alhamdulillah Rabbil 'Aalameen, Wassalaatu Wassalaamu 'Alaa
Asyrafil Mursaleen, Sayyidinaa Muhammadin, Wa'ala Aalihee
Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

ALHAMDULILLAH, syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin serta rahmat-Nya jua kita berpeluang hadir di majlis yang penuh keberkatan ini bagi mendengar dan menghayati bacaan ayat-ayat suci Al-Qur'an belia Islam rantau Asia Tenggara.

Penganjuran Musabaqah ini merupakan usaha berterusan Kerajaan Paduka Ayahanda bagi memperkukuhkan dan memartabatkan pembacaan Al-Qur'an khususnya di kalangan belia rantau Asia Tenggara.

Di samping itu, Musabaqah ini memberikan peluang kepada mereka untuk berinteraksi dalam suasana persaingan yang sihat demi meningkatkan semangat ukhuwah dan perpaduan serantau. Melaluinya juga para belia dapat bercambah minda, bertukar pengalaman dan kemahiran dalam pembacaan Al-Qur'an.

Harapan kita bersama adalah semata-mata bagi memperkukuh serta memantapkan generasi belia Islam serantau supaya sentiasa berpegang teguh kepada ajaran Al-Qur'an dalam menghadapi segala bentuk cabaran yang dibawa oleh arus pembangunan dan globalisasi semasa.

Menyentuh mengenai aspek kesefahaman dan perpaduan serantau, saya juga amat mengalu-alukan penglibatan belia ASEAN dalam kerja-kerja sukarelawanan seperti projek ASEAN Young Professional Volunteer Corps, iaitu inisiatif Negara Brunei Darussalam selaku Pengerusi kepada Sidang Kemuncak ASEAN 2013.

Penglibatan serta penyertaan belia dalam projek berkaitan setentunya akan dapat menyumbang kepada kelangsungan matlamat Komuniti ASEAN menjelang 2015.

Kerja amal seumpama ini sangatlah dituntut dalam Islam untuk membantu masyarakat yang memerlukan.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al Ma'idah ayat 2, mafhumnya;

"Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertakwa dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan. Dan bertawakal kepada Allah kerana sesungguhnya Allah Maha Berat azab seksa-Nya bagi sesiapa yang melanggar perintah-Nya."

Begitu juga hendaknya yang kita harapkan kepada para belia Islam serantau. Kita mahukan generasi belia Islam kita semua yang berjiwa lurus dalam tindak-tanduk mereka dengan berpegang teguh kepada intipati ajaran Al-Qur'an. Insya Allah dengan yang demikian, rantau ini akan sentiasa bersatu padu dan saling bekerjasama dalam perkara-perkara berkebaikan bagi saling meraih keberkatan dalam kehidupan masing-masing.

Dalam konteks Negara Brunei Darussalam, dasar dan pendirian ini diperkukuhkan lagi dengan keputusan bijaksana Paduka Ayahanda bagi pelaksanaan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syar'iah bagi negara ini seperti yang dititahkan pada 22 Oktober lepas. Penguatkuasaannya adalah konsisten dengan peruntukan yang terkandung di dalam Perlembagaan Negara Brunei Darussalam sebagai agama rasmi negara.

Ke arah itu, golongan belia negara ini haruslah tampil dan bersatu padu memberikan sokongan dan dukungan yang berterusan dalam melaksanakan perintah Allah serta hukum-hukum yang berpandukan Al-Qur'an dan As-Sunnah.

Apa yang jelas, Undang-Undang Jenayah Syar'iah ini akan menjamin keadilan serta kesejahteraan kepada segenap umat manusia bersandarkan keyakinan bahawa sesuatu yang datangnye dari Allah itu sememangnya adalah yang terbaik bagi kemaslahatan seluruh masyarakat yang bernaung di bawahnya.

Justeru, saya menyeru supaya golongan belia di negara ini khasnya untuk mengambil langkah-langkah bersepadu bagi meningkatkan kefahaman mengenainya kerana hanya dengan sedemikian, mereka akan dapat menilai rahsia kemaslahatannya kepada pembangunan dan kesejahteraan masyarakat yang berbilang bangsa dan negara.

Akhirnya, dengan mendahulukan kalimah Bismillahiir Rahmaniir Rahiim, selawat serta salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, saya sukacita merasmikan Musabaqah Tilawatil Quran Belia Asia Tenggara Ke-6 Bagi Tahun 1435 Hijriah/ 2013 Masihi.

Sekian, Wabillahit Taufiq Walhidayah, Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Sabda

**Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda
Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah
ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda
Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah,
Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri
pada Majlis Penutup Rasmi Jambori Nasional Ke-4 Brunei
Darussalam Sempena Sambutan 80 Tahun Berpengakap Negara
Brunei Darussalam bertempat di Tapak Jambori di Kawasan
Lot-Lot Tanah Kerajaan Beribi, Mukim Gadong pada hari Ahad,
5 Safar 1435 Hijriah / 8 Disember 2013 Masihi**

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Bismillahir Rahmanir Rahim

Alhamdulillah Rabbil 'Aalameen, Wassalaatu Wassalaamu 'Alaa
Asyarafil Mursaleen, Sayyidinaa Muhammadin, Wa'ala Aalihee
Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

ALHAMDULILLAH, kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu
Wata'ala kerana dengan limpah rahmat serta izin-Nya jua, kita dapat
hadir ke Majlis Penutup Jambori Nasional Ke-4 Brunei Darussalam pada
petang ini.

Terlebih dahulu, saya mengucapkan syabas kepada Persekutuan
Pengakap Negara Brunei Darussalam di atas kejayaan mengungkayahkan
Jambori ini. Saya juga merakamkan ucapan setinggi tahniah di atas
pencapaian Ulang Tahun Ke-80 kegiatan berpengakap di negara ini.

Di kesempatan ini, saya juga ingin mengalu-alukan penyertaan
pasukan pengakap dari negara jiran dan antarabangsa lainnya di Jambori
ini.

Sebagai sebuah pertubuhan NGO dan kesukarelawanan
tertua di negara ini, saya sangat gembira mengambil maklum bahawa
persekutuan ini telah banyak menyumbang kepada pembangunan
belia dan negara. Inilah semangat kelestarian aktiviti berpengakap di
kalangan warga sejagat seperti mana yang termaktub dalam perlembagaan
serta perundangan berpengakap yang diilhamkan oleh pengasasnya.

Saya melihat kejayaan Jambori ini adalah berkat usaha gigih
serta semangat setia kawan yang ditanamkan dalam pasukan pengakap
yang merupakan ciri-ciri teras dan aset bernilai tinggi dalam membina
keyakinan dan keperibadian anggotanya. Kemahiran serta semangat kerja
berpasukan tinggi di kalangan pasukan pengakap adalah juga berperanan
menyatupadukan masyarakat terutama di dalam situasi tertentu yang
memerlukan sumbangan tenaga pasukan sukarelawan.

Pada hemat saya, kegiatan berpengakap adalah sangat unik
kerana keanggotaannya bermula dari kanak-kanak seawal umur enam
tahun, ianya juga menyediakan skim pendidikan pengakap yang progresif
sehinggalah mereka mencapai ke peringkat belia remaja berumur dua
puluh enam tahun.

Di sinilah juga keistimewaan pasukan beruniform dalam mana
kelangsungan sumbangan mereka dalam persatuan adalah amat luas. Ianya
juga mencabar kemampuan serta keupayaan melalui pelbagai skim dan
anugerah tertentu bagi mengiktiraf sumbangan serta pencapaian masing-
masing. Anugerah pencapaian tertentu: seperti Link Badge, Anugerah
Ketua Pengakap dan Anugerah Pengakap Sultan adalah bertujuan untuk
menghargai komitmen serta mengiktiraf sumbangan sepanjang hayat
kalangan penggiat pasukan pengakap tanah air.

Insya-Allah, Kerajaan Paduka Ayahanda akan terus mendukung
serta memberikan perhatian wajar yang menjurus kepada program-
program pembangunan, kepimpinan dan kemahiran kebeliaan khususnya
NGO dan pertubuhan kesukarelawanan yang progresif dan dinamik.
Ianya merupakan antara usaha dan langkah berterusan ke arah menyemai
perpaduan dan semangat patriotisme di kalangan belia.

Justeru, saya menyeru kepada ibu bapa supaya memainkan peranan penting mereka dalam menggalakkan serta mendorong anak masing-masing untuk melibatkan diri dalam kegiatan pasukan sukarelawan beruniform.

Melalui penglibatan aktif tersebut, generasi muda dapat membina jati diri, akhlak serta meraih kemahiran serta pengalaman hidup di luar zon selesa masing-masing di samping menanamkan semangat kerja berpasukan yang tinggi.

Di sinilah institusi-institusi pendidikan berperanan untuk mengukuhkan serta memantapkan kerjasama dengan pertubuhan beruniform dalam bersama-sama meningkatkan disiplin serta jati diri dari peringkat bangku sekolah lagi. Hasrat utama kita adalah jelas iaitu untuk melahirkan Belia Brunei Cemerlang yang sentiasa terpinpin dan berupaya memimpin generasi belia seterusnya dengan lebih cemerlang lagi.

Akhirnya, saya berdoa agar Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam akan terus melakar sejarah kecemerlangannya.

Saya juga berharap supaya persekutuan ini akan menyumbang kepada kegiatan berpengakap yang turut menerapkan falsafah Melayu Islam Beraja atau MIB, sebagai pemangkin kepada para belia untuk sentiasa berusaha memajukan diri dan menyumbang kepada pembangunan Negara Brunei Darussalam secara positif.

Kepada anggota pasukan pengakap luar negara, saya berharap mereka akan meraih pengalaman serta membawa balik kenangan manis di sepanjang mengikuti Jambori ini dan selamat pulang ke negara masing-masing dengan selamatnya.

Dengan lafaz Bismillahir Rahmanir Rahim, selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, saya dengan sukacita menutup Jambori Nasional Ke-4 Brunei Darussalam.

Sekian, Wabillahit Taufiq Walhidayah, Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.